

ANALISIS HADIS-HADIS *MARFŪ'* YANG  
*MU'ALLAH* BERKAITAN *MU'ĀMALĀT*  
*MĀLIAH* DALAM *AL-SUNAN*  
*AL-ARBA'AH*

MUHAMMAD ZULFADHLI BIN MOHD RAZI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS HADIS-HADIS *MARFŪ'* YANG *MU'ALLAH* BERKAITAN  
*MU'ĀMALĀT MĀLIAH* DALAM *AL-SUNAN AL-ARBA'AH*

MUHAMMAD ZULFADHLI BIN MOHD RAZI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIDKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اوپنيزيسيتي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

|  |
|--|
|  |
|  |
|  |
|  |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **15 Oktober 2024**.

#### I. Perakuan Pelajar:

Saya, **MUHAMMAD ZULFADHLI BIN MOHD RAZI, M20191000883, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **ANALISIS HADIS-HADIS MARFŪ' YANG MU'ALLAH BERKAITAN MU'ĀMALĀT MĀLIAH DALAM AL-SUNAN AL-ARBA'AH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya

  
Tandatangan pelajar

#### II. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. ROZAIMI MOHD RAMLE** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ANALISIS HADIS-HADIS MARFŪ' YANG MU'ALLAH BERKAITAN MU'ĀMALĀT MĀLIAH DALAM AL-SUNAN AL-ARBA'AH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah. **IJAZAH SARJANA SASTERA MOD PENYELIDIKAN**

\_\_\_\_12/11/2024\_\_\_\_\_  
Tarikh

  
**PROFESOR DR. MUHAMAD ROZAIMI BIN RAMLE**  
REKTOR  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPS)  
Tandatangan Penyelia





**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN  
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **ANALISIS HADIS-HADIS MARFŪ' YANG MU'ALLAH BERKAITAN  
MU'ĀMALĀT MĀLIAH DALAM AL-SUNAN AL-ARBA'AH**

No. Matrik / Matric's No.: **M20191000883**

Saya / I: **MUHAMMAD ZULFADHLI BIN MOHD RAZI**

Mengaku membenarkan [Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)] \*  
ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan  
syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows: -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below :-*



**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*



**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*



**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ *Signature of Student*)

Tarikh/Date: 12/11/2024

**PROFESOR DR. MUHAMAD ROZAIMI BIN RAMLE**  
**REKTOR**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPS)**  
(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)  
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*

## PENGHARGAAN

Pujian dan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kajian ini dapat disiapkan sebagaimana yang diharapkan. Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. Muhamad Rozaimi bin Ramle selaku penyelia utama yang telah banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang tesis ini dijalankan tanpa jemu dan putus asa. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Wahyu Hidayat bin ‘Abdullah atas idea dan sumbang saran beliau dalam menambah baik kajian ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi selaku pemeriksa dalam yang telah memberikan bantuan dan bimbingan serta teguran sepanjang menyiapkan kajian ini. Penghargaan juga diucapkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di atas segala peluang yang diberikan serta para kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas bantuan dan pertolongan sepanjang menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan terima kasih kepada ibubapa, isteri dan keluarga yang banyak memberikan sokongan fizikal dan mental hingga tesis ini dapat disiapkan.



## ABSTRAK

Hadis *mu'allah* merupakan hadis yang mengandungi 'illah atau kecacatan tersembunyi padanya dan berlaku pada riwayat-riwayat perawi yang *thiqah*. Oleh itu, ia hanya dapat diketahui oleh *nuqqād* hadis sahaja. Terdapat 13 Bentuk-bentuk hadis *mu'allah* juga dikenal pasti terdapat dalam hadis *marfū'* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah* khususnya *Mu'āmalāt Māliyah*. Kajian mendapati bahawa sebahagian *muḥaqqiq* hadis kontemporari tidak menitikberatkan soal pengaplikasian ilmu 'ilal hadis ketika melakukan kajian terhadap sesebuah hadis. Oleh kerana itu, terdapat hadis-hadis *mu'allah* yang dinilai *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* oleh mereka. Kajian ini bertujuan menganalisis status hadis-hadis *mu'allah* berkaitan *Mu'āmalāt Māliyah* yang terdapat dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti terdapat lapan faktor-faktor penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* memasukkan hadis *mu'allah* dalam kitab *Sunan* mereka. Kajian ini menggunakan metodologi pengumpulan dan menganalisis data. Kajian ini menfokuskan kepada 32 hadis *Mu'āmalāt Māliyah* untuk dianalisis sudut 'ilal yang terdapat di dalamnya. Data yang diperolehi akan dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan metode deskriptif, induktif, deduktif, dan komparatif. Hasil kajian mendapati terdapat lima faktor penyebab sebahagian *muḥaqqiq* menilai *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* hadis yang *mu'allah*, iaitu tidak mengaplikasikan kaedah 'ilal hadis sepenuhnya, *pentarjīhan* yang tidak tepat, kurang ketelitian terhadap status hadis yang dijadikan *shawāhid*, kajian yang tidak mendalam terhadap perawi hadis, dan memilih kaedah yang *shāz* dalam menilai hadis. Selain itu, penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* juga mempunyai metodologi sendiri dalam berinteraksi dengan hadis-hadis *mu'allah*. Mereka mempunyai sebab-sebab tersendiri yang mendorong mereka memasukkan hadis-hadis *mu'allah*. Impikasi kajian ini bakal mencetuskan kepada kajian 'ilal hadis dalam bab-bab *fiqh* yang lain seperti *Al-Ibādāt* dan *Al-Munākahāt*, juga dalam bab yang tidak berkait dengan *fiqh* seperti *Al-Aẓkār* dan *Al-'Aqā'id*.





## ANALYSIS OF MU'ALLAH MARFŪ' HADITHS RELATED TO MU'ĀMALĀT MĀLIAH IN AL-SUNAN AL-ARBA'AH

### ABSTRACT

*Mu'allah* is a hadith that contains a hidden flaw within the narrations of trustworthy narrators known as *thiqah*. Consequently, only the expert hadith critics (*nuqqād*) can identify these flaws. This study identifies 13 forms of *mu'allah* hadiths that appear in the *marfū'* hadiths within the *Al-Sunan Al-Arba'ah*, specifically focusing on *Mu'āmalāt Māliah*. The research found that some contemporary hadith scholars (*muḥaqqiq*) do not adequately apply the principles of *'ilal Al-Ḥadīth* when assessing a hadith. As a result, some *mu'allah* hadiths have been incorrectly classified as *ṣaḥīḥ* (authentic) or *ḥasan* (acceptable). This study aims to analyse the status of *mu'allah* hadiths related to *Mu'āmalāt Māliah* found in *Al-Sunan Al-Arba'ah*. Furthermore, the study identifies eight factors that influenced the authors of *Al-Sunan Al-Arba'ah* to include *mu'allah* hadith in their collections (*Sunan*). The methodology used in this research involves collecting and analysing data, focusing on examining *'ilal* (hidden defects) within the 32 hadiths related to *Mu'āmalāt Māliah*. The data collected will be qualitatively analysed using descriptive, inductive, deductive, and comparative methods. The findings indicate five main reasons why some hadith scholars incorrectly classify *mu'allah* hadiths as *ṣaḥīḥ* or *ḥasan*: incomplete application of *'ilal Al-Ḥadīth* principles, inaccurate prioritisation due to preferences, insufficient scrutiny of hadith used as *shawāhid* (corroborative evidence), superficial analysis of the narrators, and the selection of *shāz* (isolated) methods in hadith evaluation. Moreover, the authors of *Al-Sunan Al-Arba'ah* had their own methodology in dealing with *mu'allah* hadiths, with specific reasons for including them in their collections. This study's implications may pave the way for further research into the application of *'ilal Al-Ḥadīth* in other areas of Islamic jurisprudence, such as *Al-Ibādāt* (ritual worship) and *Al-Munākaḥāt* (marriage), as well as in areas unrelated to jurisprudence, such as *Al-Aḥkām* (invocations) and *Al-'Aqā'id* (beliefs).



**KANDUNGAN****Muka Surat**

|                                        |      |
|----------------------------------------|------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>     | ii   |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b> | iii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>                     | iv   |
| <b>ABSTRAK</b>                         | v    |
| <b>ABSTRACT</b>                        | vi   |
| <b>KANDUNGAN</b>                       | vii  |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>               | xiii |
| <b>TRANSLITERASI</b>                   | xiv  |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>               |      |



|       |                          |    |
|-------|--------------------------|----|
| 1.2   | Latar Belakang Kajian    | 3  |
| 1.3   | Permasalahan Kajian      | 5  |
| 1.4   | Objektif Kajian          | 8  |
| 1.5   | Persoalan Kajian         | 8  |
| 1.6   | Kepentingan Kajian       | 9  |
| 1.7   | Skop Kajian              | 10 |
| 1.8   | Metodologi Kajian        | 12 |
| 1.8.1 | Reka Bentuk Kajian       | 13 |
| 1.8.2 | Metode Pengumpulan Data  | 14 |
| 1.8.3 | Metode Menganalisis Data | 15 |
| 1.9   | Definisi Tajuk           | 19 |
| 1.10  | Kajian-Kajian Lepas      | 22 |
| 1.11  | Penutup                  | 26 |





## **BAB 2 RINGKASAN TENTANG ILMU 'ILAL HADIS SERTA PENGENALAN RINGKAS PENULIS AL-SUNAN AL-ARBA'AH**

|         |                                                  |     |
|---------|--------------------------------------------------|-----|
| 2.1     | Pengenalan Tentang Ilmu 'Ilal Hadis              | 27  |
| 2.1.1   | Definisi 'Ilal                                   | 27  |
| 2.1.1.1 | Sudut Bahasa                                     | 28  |
| 2.1.1.2 | Sudut Istilah                                    | 31  |
| 2.1.2   | Bentuk-Bentuk 'Ilal                              | 32  |
| 2.1.3   | Karya-karya Yang Terkemuka Berkenaan 'Ilal Hadis | 92  |
| 2.1.3.1 | <i>Mutaqaddimīn</i>                              | 92  |
| 2.1.3.2 | <i>Muta'akhkhirīn</i>                            | 93  |
| 2.1.3.3 | <i>Mu'āṣirīn</i>                                 | 94  |
| 2.2     | Pengenalan Ringkas Penulis Al-Sunan Al-Arba'ah   | 95  |
| 2.2.1   | Pengenalan Dan Biografi Imam Abū Dāwūd           | 95  |
| 2.2.2   | Pengenalan Dan Biografi Imam Al-Tirmizī          | 104 |
| 2.2.3   | Pengenalan Imam Al-Nasā'ī                        | 113 |
| 2.2.4   | Pengenalan Dan Biografi Imam Ibn Mājah           | 122 |
| 2.3     | Kesimpulan                                       | 129 |

## **BAB 3 FAKTOR-FAKTOR PARA PENULIS EMPAT KITAB SUNAN MEMASUKKAN HADIS-HADIS MU'ALLAH DAN METODOLOGI MEREKA DALAM BERINTERAKSI DENGAN HADIS-HADIS MU'ALLAH DALAM SUNAN MEREKA**

|       |                                                                                                               |     |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.1   | Faktor-Faktor Para Penulis Empat Kitab Sunan Memasukkan Hadis-Hadis <i>Mu'allah</i>                           | 129 |
| 3.1.1 | Faktor Pertama: Para penulis Empat Kitab Sunan tidak mensyaratkan untuk memasukkan hadis <i>ṣaḥīḥ</i> sahaja. | 131 |
| 3.1.2 | Faktor Kedua: Bertujuan Menyatakan 'Illah                                                                     | 134 |
| 3.1.3 | Faktor Ketiga: Hadis <i>Mu'allah</i> Mempunyai Keistimewaan                                                   | 137 |
| 3.1.4 | Faktor Keempat: Penerimaan Penulis Terhadap Sebahagian Jenis Hadis <i>Mu'allah</i>                            | 143 |





|         |                                                                                                                    |     |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.1.5   | Faktor Kelima: Memberitahu Hadis-Hadis Yang Dijadikan Hujjah Oleh <i>Fuqahā'</i>                                   | 145 |
| 3.1.6   | Faktor Keenam: Menafsirkan Yang Terdapat Di Dalam Hadis <i>Ṣaḥīḥ</i>                                               | 149 |
| 3.1.7   | Faktor Ketujuh: Berbeza Dalam Penilaian Hadis                                                                      | 152 |
| 3.1.8   | Faktor Kelapan: Supaya Dilakukan Penelitian                                                                        | 156 |
| 3.2     | Metodologi Penulis Empat Kitab <i>Sunan</i> Dalam Berinteraksi Dengan Hadis-Hadis <i>Mu'allah</i>                  | 158 |
| 3.2.1   | Metodologi Abū Dāwūd                                                                                               | 160 |
| 3.2.1.1 | Mengisyaratkan ' <i>illah</i> Sesuatu Hadis Melalui Bab                                                            | 160 |
| 3.2.1.2 | Mendahulukan Riwayat <i>Ṣaḥīḥ</i> Sebelum Riwayat <i>Ma'lūlah</i> Di Bawah Satu Bab                                | 163 |
| 3.2.1.3 | Membawakan Riwayat Tidak <i>Marfū'</i>                                                                             | 165 |
| 3.2.1.4 | Memberikan Komentar Terhadap Hadis-Hadis <i>Mu'allah</i>                                                           | 166 |
| 3.2.1.5 | Membuang Lafaz Hadis Yang Mengandungi ' <i>Illah</i>                                                               | 168 |
| 3.2.2   | Metodologi Al-Tirmizī                                                                                              | 170 |
| 3.2.2.1 | Memberikan Komentar Terhadap Hadis-Hadis Yang Mengandungi ' <i>Illah</i>                                           | 170 |
| 3.2.2.2 | Mendahulukan Riwayat <i>Mu'allah</i> Di Bawah Sesuatu Bab                                                          | 173 |
| 3.2.2.3 | Membawakan Hadis Yang <i>Mu'allah</i> Dengan <i>Ṣiḥah Tamrīd</i>                                                   | 175 |
| 3.2.2.4 | Membawakan Riwayat Yang Tidak <i>Marfū'</i>                                                                        | 181 |
| 3.2.2.5 | Membawakan Sebahagian <i>Sanad</i> Secara <i>Mu'allaq</i> , Setelah Itu Membawakan Sambungan <i>Sanad</i> Tersebut | 182 |
| 3.2.3   | Metodologi Al-Nasā'ī                                                                                               | 186 |
| 3.2.3.1 | Mengisyaratkan ' <i>illah</i> Sesuatu Hadis Melalui Bab                                                            | 186 |
| 3.2.3.2 | Memberikan Komentar Pada Hadis-Hadis <i>Mu'allah</i> Dan Dibawakan Riwayat Yang Betul                              | 187 |



|                                                                                                                                                            |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.2.3.3 Meninggalkan Hadis <i>Mu'allah</i> Yang Jelas<br>Lafaznya Sedangkan Ia Bersesuaian Dengan<br>Tarjamah Bab                                          | 189 |
| 3.2.3.4 Menggugurkan Lafaz Yang <i>Mu'allah</i>                                                                                                            | 192 |
| 3.2.4 Metodologi Ibn Mājah                                                                                                                                 | 194 |
| 3.2.4.1 Membawakan Komentari Tentang 'illah Yang<br>Terdapat Pada Hadis                                                                                    | 193 |
| 3.2.4.2 Membawakan Isyarat Terhadap Hadis <i>Mu'allah</i><br>Melalui Bab                                                                                   | 197 |
| 3.2.4.3 Membawakan Hadis Yang <i>Ṣaḥīḥ</i> Matannya<br>Melalui <i>Sanad</i> Yang <i>Waham</i>                                                              | 198 |
| 3.2.4.4 Membawakan Hadis Yang Berbeza Dengan<br><i>Tarjamah</i> Bab                                                                                        | 200 |
| 3.2.4.5 Membawakan Hadis Yang Berlaku Silap Pada<br><i>Sanadnya</i> Kemudian Membawakan Hadis Yang<br>Betul <i>Sanadnya</i> Di Bawah Bab Sama              | 202 |
| 3.2.4.6 Membawakan Dua <i>Tarjamah</i> Bab Yang Berbeza,<br>Satunya Mengandungi Hadis <i>Ṣaḥīḥ</i> Dan Satu Lagi<br>Pula Mengandungi Hadis <i>Mu'allah</i> | 205 |

|                |     |
|----------------|-----|
| 3.3 Kesimpulan | 208 |
|----------------|-----|

#### **BAB 4 HADIS-HADIS *MARFŪ'* YANG *MU'ALLĀH* BERHUBUNG *MU'ĀMALĀT MĀLIAH***

|                                          |     |
|------------------------------------------|-----|
| 4.1 Sulūk Al-Jādah                       | 210 |
| 4.1.1 Hadis Riwayat 'Abdullah bin 'Amr   | 211 |
| 4.2 Al-Inqitā' Al-Khafiyy                | 213 |
| 4.2.1 Hadis Riwayat Abū Hurayrah         | 214 |
| 4.2.2 Hadis Riwayat 'Uthmān bin 'Affān   | 217 |
| 4.2.3 Hadis Riwayat 'Abdullāh bin 'Abbās | 219 |
| 4.2.4 Hadis Riwayat Abū Hurayrah         | 222 |
| 4.2.5 Hadis Riwayat Al-Barā' bin 'Āzib   | 226 |
| 4.2.6 Hadis Riwayat 'Abdullāh bin 'Umar  | 228 |
| 4.3 Taq'īf Al-Ruwāh Al-Thiqāt            | 233 |



|       |                                              |     |
|-------|----------------------------------------------|-----|
| 4.3.1 | Hadis Riwayat ‘Abdullāh bin ‘Umar            | 234 |
| 4.3.2 | Hadis Riwayat ‘Abdullāh bin ‘Abbās           | 236 |
| 4.3.3 | Hadis Riwayat Jābir bin ‘Abdullāh            | 238 |
| 4.4   | Al-Ikhtilāf                                  | 246 |
| 4.4.1 | Hadis Riwayat Ibn ‘Abbās                     | 247 |
| 4.4.2 | Hadis Riwayat ‘Abdullāh bin Mas‘ūd           | 250 |
| 4.4.3 | Hadis Riwayat ‘Abdullāh bin Mas‘ūd           | 254 |
| 4.4.4 | Hadis Riwayat ‘Ubādah bin Al-Şāmit           | 257 |
| 4.4.5 | Hadis Riwayat ‘Abdullāh bin ‘Umar            | 259 |
| 4.4.6 | Hadis Riwayat Jarīr bin ‘Abdullāh            | 262 |
| 4.5   | Al-Ziyādah                                   | 266 |
| 4.5.1 | Hadis Riwayat Abū Hurayrah                   | 266 |
| 4.5.2 | Hadis Riwayat ‘Amr bin Shu‘ayb               | 269 |
| 4.5.3 | Hadis Riwayat Jābir bin ‘Abdullāh            | 272 |
| 4.6   | Al-Idrāj                                     | 274 |
| 4.6.1 | Hadis Riwayat Abū Hurayrah                   | 274 |
| 4.6.2 | Hadis Riwayat Rāfi‘ bin Khādīj               | 276 |
| 4.7   | Tafarrud                                     | 279 |
| 4.7.1 | Hadis Riwayat Abū Umāmah                     | 279 |
| 4.7.2 | Hadis Riwayat Anas bin Mālīk                 | 282 |
| 4.7.3 | Hadis Riwayat ‘Abdullāh bin ‘Amr bin Al-‘Aş. | 285 |
| 4.7.4 | Hadis Riwayat Jābir bin ‘Abdullāh            | 288 |
| 4.7.5 | Hadis Riwayat ‘Ā’ishah                       | 291 |
| 4.8   | Waham                                        | 295 |
| 4.8.1 | Hadis Riwayat Usayd bin Ḥudayr               | 295 |
| 4.8.2 | Hadis Riwayat ‘Abdullāh bin ‘Umar            | 297 |
| 4.8.3 | Hadis Riwayat ‘Umar                          | 300 |



|        |                                |     |
|--------|--------------------------------|-----|
| 4.9    | Al-Idṭirāb                     | 302 |
| 4.9.1  | Hadis Riwayat Al-Sā'ib         | 303 |
| 4.10   | Al-Ikhtiṣār                    | 307 |
| 4.10.1 | Hadis Riwayat Rāfi' bin Khadīj | 307 |
| 4.11   | Kesimpulan                     | 310 |

## BAB 5 RUMUSAN

|       |                                                         |     |
|-------|---------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                              | 312 |
| 5.2   | Rumusan                                                 | 312 |
| 5.3   | Cadangan                                                | 314 |
| 5.3.1 | Cadangan Kepada Universiti-Universiti Awam Dan Swasta   | 314 |
| 5.3.2 | Cadangan Kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) | 313 |
| 5.4   | Implikasi Kajian                                        | 315 |
| 5.5   | Penutup                                                 | 315 |
|       | <b>RUJUKAN</b>                                          | 316 |



## SENARAI SINGKATAN

|       |                                      |
|-------|--------------------------------------|
| &     | dan                                  |
| bil.  | bilangan                             |
| Dr.   | Doktor                               |
| Ed.   | Editor ( <i>pentaḥqīq</i> /penyemak) |
| hal.  | halaman                              |
| H     | Hijrah/Hijriyyah                     |
| jil.  | jilid                                |
| juz.  | juzuk                                |
| m.    | tahun meninggal dunia                |
| no.   | nombor                               |
| Prof. | Profesor                             |
| RA    | <i>raḍiyallāhu 'anhu</i>             |
| SAW   | <i>Ṣallallāhu 'alayhiwasallam</i>    |
| SWT   | <i>Subhānahuwata 'ālā</i>            |
| t.t   | tanpa tahun terbit                   |
| t.t.p | tanpa tempat penerbitan              |



## TRANSLITERASI<sup>1</sup>

| Arab | Rumi |
|------|------|
| ب    | b    |
| ت    | t    |
| ث    | th   |
| ج    | j    |
| ح    | h    |
| خ    | kh   |
| د    | d    |
| ذ    | z    |
| ر    | r    |
| ز    | z    |
| س    | s    |
| ش    | sh   |
| ص    | s    |
| ض    | d    |

| Arab | Rumi |
|------|------|
| ط    | t    |
| ظ    | dh   |
| ع    | '    |
| غ    | gh   |
| ف    | f    |
| ق    | q    |
| ك    | k    |
| ل    | l    |
| م    | m    |
| ن    | n    |
| ه    | h    |
| و    | w    |
| ء    | '    |
| ي    | y    |

| Arab     | Rumi |
|----------|------|
| اَ       | a    |
| وُ       | u    |
| يَ       | i    |
| أَ، آ، إ | ā    |
| وُ       | ū    |
| يَ       | ī    |

| Arab  | Rumi                           |
|-------|--------------------------------|
| أَ، إ | an                             |
| وُ    | un                             |
| يَ    | in                             |
| وَ    | aw                             |
| يَ    | ay                             |
| وُ    | uww, ū<br>(di akhir perkataan) |
| يَ    | iyy, ī<br>(di akhir perkataan) |

<sup>1</sup> Format yang digunakan dalam disertasi ini adalah menggunakan "Roman Transliteration of Arabic Script (ROTAS)" dengan sedikit pengubahsuaian untuk huruf ط dan ذ. Lihat International Islamic University Malaysia. (t.t.). Table of Transliteration. Dicapai pada 7 Disember 2023, dari laman sesawang [http://rotas.iiu.edu.my/?Table\\_of\\_Transliteration](http://rotas.iiu.edu.my/?Table_of_Transliteration).



## BAB 1

### PENDAHULUAN



Alhamdulillah, segala pujian adalah milik Allah Ta'ala, Tuhan bagi sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan seluruh para sahabat Baginda RA. Allah *Ta'ala* telah menjaga *hadis* dan *sunnah Nabi Muhammad SAW* adalah melalui para tokoh-tokoh *hadis* untuk menjaga ketulenan hadis. Ulama hadis dibangkitkan oleh Allah *Ta'ala* bertujuan untuk menjaga dan memelihara hadis-hadis Nabi SAW, sebagaimana kata-kata masyhur yang diucapkan oleh Sufyān Al-Thawrī:

*"Para malaikat adalah penjaga di langit, manakala ashab hadis pula adalah penjaga dimuka bumi".<sup>2</sup>*

---

<sup>2</sup> Al-Khaṭīb Al-Baghdādī. (1996). *Sharf Aṣḥāb Al-Ḥadīth*. (ʿAmr ʿAbd Al-Munʿim Salīm, Ed.) Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, hal. 91, no. 80.



Terdapat berbagai usaha yang dilakukan oleh para ulama hadis untuk memelihara keaslian hadis-hadis Nabi SAW. Antara usaha tersebut adalah dengan menghafal hadis dalam dada-dada mereka, mengambil dan menyampaikan *hadis* secara *bersanad*, membukukan hadis dalam bentuk tulisan. Termasuk usaha yang paling penting adalah menyusun kaedah-kaedah atau disebut sebagai '*Ulūm* Hadis. Ia bertujuan untuk memastikan proses menjaga ketulenan hadis adalah melalui kaedah dan cara yang betul dan tepat.

Bertitik tolak dari sinilah pentingnya ilmu hadis sebagai suatu disiplin ilmu. Ia akan memandu sesiapa sahaja yang terjun ke dalam bidang hadis agar tidak menyeleweng dalam menentukan kedudukan dan status hadis agar bertepatan dengan kaedah-kaedah yang digunakan oleh tokoh-tokoh hadis terdahulu.<sup>3</sup>

Usaha untuk menjaga ketulenan hadis-hadis Nabi SAW masih berterusan hingga kini melalui kajian kajian yang dilakukan berhubung '*ilal* hadis. Namun, kajian berkenaan '*ilal* hadis kini lebih banyak tertumpu kepada kitab-kitab hadis khusus seperti *Al-'Ilal Al-Wāridah Fī Al-Aḥādīth* karangan Al-Dāraqutnī, *Al-'Ilal* oleh Aḥmad bin Ḥanbal dan seumpamanya.

Namun, pada pemerhatian pengkaji kajian secara terperinci berkenaan '*ilal* hadis terhadap kitab-kitab yang menjadi sumber bagi hadis-hadis hukum tidak begitu

---

<sup>3</sup> Khader Ahmad & Ibrahim Adham Mohd Rokhibi. (2019). *Isu Berkaitan Hadith Lemah (Da'if) Menurut Pandangan Al-Shaykh Muhammad 'Awwāmah Dalam Kitab Hukum Al-'Amal Bi Al-Hadīth Al-Da'if*: Satu Analisis. Hadith Anda Akidah Research Institute (INHAD), hal. 50-51.



dilakukan kajian. Sedangkan kitab-kitab sebeginilah yang menjadi sumber bagi para ulama untuk membuat *istinbāṭ* hukum. Sayyid ‘Abd al-Mājid al-Ghawrī menyebutkan:

*"Ilmu ini sekalipun tersangat penting, kedudukannya yang tinggi dan faedahnya yang sangat banyak, namun ia tetap tidak diberikan perhatian dalam pengajaran kerana kesedaran tentangnya sangat lewat muncul. Ketika ini, ia dijadikan subjek pengajian secara khusus di sebahagian universiti-universiti negara Islam dan Arab. Namun, di universiti-universiti di Malaysia, ia masih tidak diberikan perhatian sama ada dari sudut pengajian, pengkajian dan penulisan".<sup>4</sup>*

Kajian yang bakal dijalankan ini diharapkan dapat memberikan sedikit sebanyak pendedahan berhubung hadis-hadis *mu'allah* yang dijadikan sumber hukum oleh sebahagian *fuqahā'* kerana kecacatan dan kelemahan yang terdapat pada sesuatu hadis adalah tersembunyi kepada mereka. Ini dapat kita lihat apabila terdapat hadis-hadis hukum yang dinilai sebagai *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* oleh sebahagian ulama hadis *muta'akhkhirīn* sebenarnya berstatus *ma'lūl* menurut penilaian para tokoh hadis *mutaqaddimīn*.<sup>5</sup>

## 1.2 Latar Belakang Kajian

<sup>4</sup> Abd Al-Mājid Al-Ghawrī. (2018). *'Ilm 'Ilal Al-Hadīth Al-Manhaj Al-'Ilmī Li Dirāsātihī Wa Al-Kutub Al-Mu'allafah Fīhi*. Institut Kajian Hadis & Aqidah, Selangor 8 (16): hal. 138.

<sup>5</sup> Ahmad bin Muḥammad Al-Khalīl. (2008). *Mustadrak Al-Ta'līl 'Alā Irwā' Al-Ghalīl*. Dammām: Dār Ibn Al-Jawzī, hal. 12.





Keberadaan hadis-hadis *mu'allah* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah* adalah suatu yang tidak dapat dinafikan bagi sesiapa yang mempelajarinya, sama ada 'illahnya merupakan 'illah yang jelas (علّة ظاهرة) atau 'illah yang tersembunyi (علّة خفية). Hadis-hadis *mu'allah* dikenal pasti tersebut dimasukkan oleh para penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* kerana mempunyai sebab dan tujuan mereka tersendiri.

Kewujudan hadis-hadis *mu'allah* tersebut tidaklah mencatitkan kedudukan *Al-Sunan Al-Arba'ah*, sebaliknya ia menambahkan lagi kesenian dalam penulisan tersebut. Kedudukan *Al-Sunan Al-Arba'ah* sebagai kitab yang menghimpunkan hadis-hadis *marfū'* berdasarkan susunan bab-bab *fiqh*<sup>6</sup> mendapat perhatian yang lebih di sisi para ulama berbanding kitab-kitab *sunan* yang lain. Ini dapat dilihat melalui *Kutub Al-Shurūḥ* yang disusun oleh para ulama terhadap *Al-Sunan Al-Arba'ah* mencapai ratusan judul dalam bahasa yang pelbagai. Bukan itu sahaja, perhatian terhadap *Al-Sunan Al-Arba'ah* turut dilakukan dari sudut *taḥqīq* terhadap hadis-hadis yang terdapat dalam kitab tersebut sebagaimana yang dilakukan oleh beberapa tokoh hadis kontemporari seperti Muḥammad Nāṣir Al-Dīn, Shu'ayb Al-Arnā'ūt, Bashshār 'Awwād Ma'rūf dan lain-lain.

Perbahasan berkenaan 'ilal hadis merupakan perbahasan yang sangat penting dan sangat rumit. Ibn Al-Ṣalāḥ<sup>7</sup> menyatakan bahawa pengetahuan terhadap 'ilal hadis merupakan bahagian terpenting dalam 'Ulum Hadis dan paling terperinci serta paling mulia. Sesiapa yang mempelajari ilmu hadis perlu berusaha agar paling kurang dapat

<sup>6</sup> Nūr Al-Dīn 'Itr. (1979). *Manhaj Al-Naqd Fī 'Ulūm Al-Ḥadīth. Dimashq*: Dār Al-Fikr, hal. 199.

<sup>7</sup> Ibn Al-Ṣalāḥ. (1986). *Ma'rifah Anwā' 'Ulūm Al-Ḥadīth*. (Nūr Al-Dīn 'Itr, Ed.) Syria: Dār Al-Fikr, hal. 90.





memahami metodologi para ulama hadis dalam 'ilal hadis dan mengetahui disiplin-disiplin yang mereka gunakan dalam menilai sesuatu hadis sebagai *ma'lūl* atau *mu'allah*.

Kajian berhubung 'ilal hadis ini adalah sebagai langkah permulaan kepada kajian terhadap hadis-hadis *mu'allah* yang terdapat dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah* sama ada dari sudut metodologi penulis-penulis dalam memasukkan hadis-hadis *mu'allah* tersebut, faktor-faktor mereka memasukkan hadis-hadis *mu'allah* atau juga dari sudut bentuk-bentuk 'illah yang terdapat dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*.

Pemilihan hadis-hadis bab *mu'āmalāt māliyah* disebabkan perbincangan dan perbahasan dalam bidang *mu'āmalāt* semasa adalah lebih banyak berbanding bidang-bidang lain. Ini dapat dilihat melalui banyaknya tulisan-tulisan kontemporari berkenaan *mu'āmalāt* semasa seperti *Al-Mu'āmalāt Al-Māliyah Al-Mu'āṣirah Fī Al-Fiqh Al-Islāmī* oleh Muḥammad 'Uthmān Shabīr, *Buḥūth Fiqhiyyah Fī Qaḍāyā Iqtisādiyyah Mu'āṣirah* oleh Muḥammad Sulaymān Al-Ashqar dan rakan-rakan beliau, *Al-Mu'alamat Al-Maliyyah Al-Mu'asirah* oleh Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh Al-Mu'āmalāt Al-Māliyah Al-Mu'āṣirah* oleh Sa'd Turkī Al-Khathlān dan lain-lain. Oleh yang demikian, keperluan terhadap hadis-hadis sebagai sumber untuk *istinbāṭ* hukum-hukum kontemporari adalah begitu penting, menjadikan keperluan untuk melakukan penilaian terhadap hadis-hadis tersebut juga adalah penting.

### 1.3 Permasalahan Kajian





Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kajian berkenaan 'ilal hadis tidak begitu dibincangkan dalam konteks pengajian hadis di negara kita kerana lebih tertumpu kepada sudut pemahaman terhadap hadis semata-mata. Sayyid 'Abd Al-Mājid Al-Ghawri<sup>8</sup> menegaskan bahawa sekalipun ilmu 'ilal hadis merupakan suatu ilmu yang sangat penting, namun usaha mempelajarinya tidak begitu diberikan penekanan terutama dalam konteks negara kita.

*Al-Kutub Al-Sittah* merangkumi *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dawūd*, *Sunan Al-Tirmizī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah* merupakan sumber terpenting. Ia menjadi rujukan utama dalam pengajian di dunia Islam.<sup>9</sup>

Chuzaimah Batubara, Irwan & Hawari Batubara dalam tulisan mereka berpandangan bahawa *Al-Sunan Al-Arba'ah* termasuk *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* telah menjadi medan utama oleh para tokoh dan sarjana Islam lampau dalam kajian mereka hingga membentuk metodologi yang berbagai antaranya *Al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl*.<sup>10</sup> Justeru, metodologi para penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* dalam membahaskan tentang 'ilal hadis perlu diberikan penekanan dan kajian secara serius kerana mereka menggunakan metode yang berbagai dalam mengungkapkannya, serta metode yang berbeza antara satu sama lain. *Sunan Al-Tirmizī* sebagai contoh berfungsi sebagai sebuah

<sup>8</sup> Abd Al-Mājid Al-Ghawri. (2018). *'Ilm 'Ilal Al-Ḥadīth Al-Manhaj Al-'Ilmī Li Dirāsātihī Wa Al-Kutub Al-Mu'allafah Fīhī*. Institut Kajian Hadis & Aqidah, Selangor 8 (16): hal. 138.

<sup>9</sup> Farhah Zaidar & Siti Zahrah. (2018). *Salasilah Sanad Al-Kutub Al-Sittah Tokoh Al-Musnid Melayu Nusantara Syeikh Muhammad Mahfuz Al-Tarmasi*. International Islamic University College Selangor, hal. 25.

<sup>10</sup> Chuzaimah Batubara, Irwan & Hawari Batubara. (2018). *Handbook Metodologi Studi Islam*. Jakarta Timur: Prenadamedia Group. Hal. 99-100.





kitab fiqh *muqāran* dan kitab *'ilal* hadis. Perkara ini dinyatakan oleh Mohammad Fattah, Latifah 'Abdul Majid & Ahamad Asmadi Sakat dalam kajian mereka.<sup>11</sup>

Keberadaan hadis-hadis *mu'allah* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah* adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Ini boleh dilihat melalui kritikan-kritikan yang dilakukan oleh penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* sendiri terhadap hadis-hadis yang mereka riwayatkan. Menurut 'Abdullāh bin 'Abd Al-Rahmān Al-Sa'd, kitab *Sunan Al-Tirmizī* itu sendiri merupakan sebuah kitab *'ilal*.<sup>12</sup>

*Mu'āmalāt māliyah* merupakan salah satu perbahasan penting berhubung fiqh Islam. Basri bin Ibrahim menyebutkan bahawa ia merupakan isu penting kepada masyarakat, kerana melibatkan persoalan halal dan haram.<sup>13</sup> Fathullah Al-Haq Muhammad, Jasni Sulong & Ammar Ismail<sup>14</sup> berpandangan bahawa pemilihan hadis yang lemah dalam fatwa akan memberikan implikasi terhadap keputusan fatwa yang lemah dari sudut hujjah. Oleh itu, pengetahuan terhadap status hadis hukum dengan cara yang betul dalam membantu mengukuhkan keputusan hukum yang dikeluarkan.

---

<sup>11</sup> Mohammad Fattah, Latifah 'Abdul Majid & Ahamad Asmadi Sakat. (2016). *Kewujudan Hadis Isyarat Dalam Sunan Al-Tirmidhi*. Penerbit UKM Press, 8(2), hal. 319.

<sup>12</sup> 'Abdullāh bin 'Abd Al-Rahmān Al-Sa'd. (2022). *Al-Madkhal Ilā Jāmi' Al-Tirmizī*. Riyād: Dār Al-Muḥaddith, jil. 2, hal. 109.

<sup>13</sup> Basri bin Ibrahim. (2009). Analisis Isu-Isu Muamalat Semasa Dalam Buku Al-Mu'āmalat Al-Maliyyah Al-Mu'asirah Oleh Qal'ahji. *Jurnal Syari'ah*, 17(2), hal. 374.

<sup>14</sup> Fathullah al-Haq Muhammad, Jasni Sulong & Ammar Ismail. (2017). *Penggunaan Hadis Daif Dalam Fatwa Mengenai Wasiat Di Malaysia Serta Langkah Penyelesaian*. *Ulum Hadith Research Center*, 2(1), hal. 39.





Berdasarkan permasalahan-permasalahan tersebut, kajian ini perlu dilaksanakan. Melalui kajian ini, perbahasan berkenaan *'ilal* hadis terhadap hadis-hadis hukum dapat diperluaskan kepada topik-topik lain selain bab *mu'āmalāt māliyah*.

#### 1.4 *Objektif Kajian*

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji hadis-hadis bermasalah yang disandarkan kepada *Rasūlullāh* SAW berkaitan dengan *mu'āmalāt māliyah* yang terdapat dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*. Selain itu, di antara objektif kajian ini adalah:

- i. Menenal pasti bentuk-bentuk hadis *mu'allah* yang *marfū'* terdapat dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*.
- ii. Menganalisis faktor-faktor para penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* memasukkan hadis-hadis *mu'allah* dalam *Sunan* mereka dan metodologi para penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* dalam berinteraksi dengan hadis-hadis *mu'allah*.
- iii. Menganalisis pandangan dan komentar para *muḥaqqiq* terhadap hadis-hadis *mu'allah* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*, terutamanya hadis-hadis *mu'āmalāt māliyah*.
- iv. Menganalisis hadis-hadis *mu'allah* bab *mu'āmalāt māliyah* dan menyesuaikan hadis-hadis tersebut mengikut kategori hadis *mu'allah*.

#### 1.5 *Persoalan Kajian*





Persoalan berkaitan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah bentuk hadis-hadis *mu'allah* yang terdapat dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*?
- ii. Kenapakah para penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* untuk memasukkan hadis-hadis *mu'allah* dalam *Sunan* mereka?
- iii. Bagaimanakah metodologi yang digunakan oleh para penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* dalam berinteraksi dengan hadis-hadis *mu'allah* dalam *Sunan* mereka?
- iv. Apakah kategori-kategori hadis *mu'allah* dalam bab *mu'āmalāt māliyah* yang ada dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*?



Bidang hadis merupakan suatu bidang yang memainkan peranan besar dalam perkembangan ilmu-ilmu Islam. Antara perbahasan paling penting dalam ilmu hadis adalah berkaitan penilaian status sesuatu hadis, kerana itu adalah matlamat yang perlu dicapai di sebalik pengajian ilmu hadis dan perbahasan yang paling sukar adalah berkenaan 'illah hadis atau kecacatan hadis. Hal ini telah menarik minat pengkaji untuk melakukan kajian terhadap ilmu 'ilal hadis dengan penumpukan pada hadis-hadis yang disandarkan kepada *Rasūlullāh* SAW melalui bab *mu'āmalāt māliyah*. Kepentingan kajian ini diharapkan dapat membantu dari segi:

- i. Memberikan panduan kepada msyarakat tentang hadis *mu'allah* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah* berhubung bab *mu'āmalāt*.



- ii. Memberikan sumbangan dan khidmat terhadap empat kitab rujukan utama dalam hadis-hadis Nabi SAW, iaitu *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmizī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah*.
- iii. Menghimpunkan hadis-hadis *mu'allah* dalam bab *mu'āmalāt* dari *Al-Sunan Al-Arba'ah*.

Semoga kajian ini dapat memberikan faedah kepada pengkaji dan juga pihak-pihak lain yang terlibat dalam lapangan ilmu hadis dan juga lapangan ilmu *mu'āmalāt māliyah* serta membangkitkan lagi semangat para pengkaji lain untuk memberikan khidmat terhadap hadis-hadis Nabi SAW terutama berkaitan *Al-Sunan Al-Arba'ah*.

Kajian ini menumpukan pada hadis yang mempunyai *'illah* tersembunyi yang disandarkan kepada *Rasūlullāh* SAW. Hadis-hadis yang bersumberkan daripada para sahabat tanpa disandarkan kepada *Rasūlullāh* SAW atau disebut sebagai *mawqūf* tidak termasuk dalam skop kajian. Hadis-hadis bermasalah bermaksud hadis yang dalam kategori *mardūd* (tertolak) sama ada bertaraf *dā'if* yang ringan atau juga *dā'if* yang berat. Kajian ini memfokuskan kepada bab *mu'āmalāt māliyah* dari *Al-Sunan Al-Arba'ah*.



Fokus kajian ini kepada *Al-Sunan Al-Arba'ah* adalah kerana kitab-kitab ini merupakan sumber terpenting bagi hadis-hadis hukum.<sup>15</sup> Di samping itu, selain *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Al-Sunan Al-Arba'ah* ini menjadi silibus pembelajaran bagi *Dawrah* hadis di pusat-pusat pengajian hadis di Benua Kecil India, Pakistan, Afrika, dan juga negara Malaysia sendiri<sup>16</sup>. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* tidak dimasukkan dalam kajian kerana kedua-dua kitab tersebut telah diterima sebagai *ṣaḥīḥ* oleh para ulama Islam.<sup>17</sup> Selain itu, *Al-Sunan Al-Arba'ah* juga lebih banyak ruang berkaitan kajian *'ilal* hadis.<sup>18</sup>

Bab *mu'āmalāt māliyah* dijadikan pilihan dalam kajian ini kerana bab ini merupakan antara bab yang diberikan penekanan oleh para pengkaji kontemporari kerana melibatkan isu-isu yang berada di sekeliling manusia setiap hari dan diperlukan apabila melibatkan hal-hal berkait jual beli dan lain-lain. 32 hadis *mu'āmalāt māliyah* dijadikan sebagai sampel kajian dalam membincangkan secara lengkap praktik kajian *'ilal* hadis terhadap hadis tersebut.

Secara keseluruhan hadis-hadis *mu'allah* di dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah* turut dikaji bagi mengenalpasti metodologi, faktor penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* memasukkan hadis *mu'allah* dalam *Sunan* mereka.

<sup>15</sup> Nūr Al-Dīn 'Itr. (1979). *Manhaj Al-Naqd Fī 'Ulūm Al-Ḥadīth*. Dimashq: Dār Al-Fikr, hal. 199.

<sup>16</sup> Fauzi Deraman, Ishaq Sulaiman & Faisal Ahmad Shah. (2010). *Pengajian Hadith Di Malaysia; Tokoh, Karya Dan Institusi*. Universiti Malaya, hal. 217-223.

<sup>17</sup> Al-Suyūṭī. (2014). *Tadrīb Al-Rāwī Fī Sharḥ Taqrīb Al-Nawawī*. (Māzin bin Muḥammad Al-Sirsāwī, Ed.) Bayrūt: Dammām: Dār Ibn Al-Jawzī, juz. 1, hal. 213.

<sup>18</sup> Ibrāhīm bin 'Abdullāh Al-Lāḥim. (2012). *Muqāranah Al-Marwiyyāt*. Bayrūt: Mua'ssah Al-Rayyān, jil. 2, hal. 474.



Kajian status hadis perlu merangkumi kajian *sanad* dan *matan* hadis. Ini kerana, sesuatu hadis adakalanya bermasalah pada *sanadnya* dan adakalanya pada *matannya*, maka kedua-dua aspek tersebut perlu dikaji. Hadis-hadis yang disenaraikan sebagai bermasalah apabila hadis itu berstatus lemah kerana ada kecacatan sama ada kecacatan yang jelas mahupun tersembunyi. Penilaian lemah tersebut adalah setelah dilihat melalui kesemua *sanad-sanad* lain yang menjadi *shawāhid* atau *mutāba'āt* bagi hadis tersebut yang kesimpulan akhir menunjukkan bahawa hadis tersebut *dā'if*, *dā'if jiddan*, palsu dan lain-lain.

Kajian ini memfokuskan kepada hadis-hadis yang mempunyai kecacatan tersembunyi (علة خفية) dan turut memasukkan beberapa hadis yang mempunyai kecacatan yang jelas sekiranya ada sebahagian pengkaji lain yang menilai *hasan* atau *ṣaḥīḥ* hadis tersebut.

Kewujudan *sanad* yang banyak bagi sesuatu hadis tidaklah semestinya menaiktaraf statusnya menjadi *hasan* atau *ṣaḥīḥ*, sebaliknya bergantung kepada sejauh mana kedudukan *sanad-sanad* lain tersebut dari sudut boleh atau tidak dijadikan sebagai riwayat sokongan bagi menaikkan kedudukan hadis tersebut seperti yang dijelaskan oleh Tāriq 'Awad Allāh<sup>19</sup>.

## 1.8 Metodologi Kajian

---

<sup>19</sup> Tāriq 'Awad Allāh. (1998). *Al-Irshādāt Fī Taqwīyyah Al-Aḥādīth Bi Al-Shawāhid Wa Al-Mutāba'āt*. Kaheerah: Maktabah Ibn Taymiyyah, hal. 121.



Metodologi yang tepat dalam sesebuah kajian amat penting supaya sesebuah kajian mendapat hasil dapatan yang diinginkan. Oleh itu, pengkaji memilih metodologi seperti yang akan dijelaskan.

### 1.8.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan suatu pendekatan sistematik untuk menjalankan kajian saintifik. Menurut Norfishah Mat Rabi<sup>20</sup> reka bentuk kajian adalah kaedah dan prosedur yang digunakan untuk menjalankan kajian. Bagi kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Analisis data digunakan sebagai kaedah kutipan bagi kajian kualitatif ini. Melalui pendekatan kajian kualitatif, metode deskriptif, metode induktif (*istiqrā'*), metode deduktif (*istinbāt*), dan metode komparatif digunakan untuk menganalisis data.

Kajian kualitatif mengarahkan pengumpulan data yang diperolehi untuk dianalisis, seterusnya data tersebut dilakukan penelitian melalui metode deskriptif untuk mendapatkan *taṣawwur* dan gambaran secara detail data yang dikaji. Seterusnya metode analisis induktif (*istiqrā'*) digunakan terhadap data-data tersebut untuk menghasilkan kesimpulan, prinsip, konsep dan teori yang umum. Metode deduktif (*istinbāt*) pula digunakan untuk mengaplikasikan teori atau prinsip umum terhadap isu-isu yang bersifat

---

<sup>20</sup> Norfishah Mat Rabi. (2023). *Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, hal. 120.





khusus. Metode komparatif pula bertujuan membuat perbandingan antara idea, pendapat dan teori yang pelbagai untuk dilihat sudut persamaan dan perbezaan, kekuatan dan kelemahan yang menatijahkan pandangan yang *rājih* dan *marjūh*. Pendekatan-pendekatan ini digunakan untuk menganalisis hadis-hadis *mu'allah* yang terdapat dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*.

### 1.8.2 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data digunakan bagi membolehkan pengkaji mengumpul 32 hadis yang *ma'lūl* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*, serta hal-hal berkaitan kajian. Di bawah metode ini, dapat dibahagikan pula kepada dua metode dan kaedah berikut:



1- Metode Kajian Kepustakaan. Melalui metode ini, pengkaji melakukan penelitian di beberapa perpustakaan yang berhampiran untuk mendapatkan maklumat dan rujukan yang diperlukan. Antara perpustakaan tersebut adalah Perpustakaan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Perpustakaan Islam Dar Nur al-Zahra' Kelantan dan Perpustakaan Negeri Kelantan. Kajian di perpustakaan bertujuan untuk mencari maklumat atau bahan yang boleh diaplikasikan dengan tajuk yang sedang dikaji di samping menambahkan maklumat-maklumat yang sedia ada. Penggunaan metode ini dapat membantu pengkaji melakukan kajian dan penyelidikan untuk bab satu dan bab dua.

2- Metode Analisis Dokumen. Melalui metode ini, pengkaji melakukan carian maklumat daripada bahan- bahan rujukan berbentuk dokumen seperti buku, jurnal, surat, *portable document format (pdf)*, soal jawab bertulis, majalah, laman web, kajian ilmiah dan lain-lain.





### 1.8.3 Metode Menganalisis Data

Dalam usaha menganalisis hadis-hadis yang diperolehi untuk dilakukan penilaian maka pengkaji telah meletakkan beberapa garis panduan dan metode bagi dilakukan analisa terhadap hadis-hadis. Metode tersebut:

1- Metode Deskriptif. Metode ini digunakan ketika menjelaskan biografi penulis-penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah*, iaitu Abū Dāwūd, Al-Tirmizī, Al-Nasā'ī dan Ibn Mājah. Di samping itu, metode ini juga diaplikasikan ketika membahaskan berkenaan ciri-ciri *Al-Sunan Al-Arba'ah*.

2- Metode Induktif. Metode Induktif atau dikenali dengan *Al-Manhaj Al-Istiqrā'ī* (المنهج الاستقرائي) adalah suatu metode pengambilan kesimpulan umum yang dihasilkan daripada fakta-fakta khusus, menurut Mashudi<sup>21</sup>. Berpandukan kepada metode ini, pengkaji dapat membuat kesimpulan umum berkenaan bentuk-bentuk hadis *mu'allah* yang terdapat dalam keseluruhan *Al-Sunan Al-Arba'ah* bagi bab tiga dan metodologi penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* dalam berinteraksi dengan hadis-hadis *mu'allah* dalam kitab mereka bagi bab empat. Pengkaji juga menggunakan metode ini ketika membuat rumusan terhadap tujuan para penulis *Al-Sunan Al-Arba'ah* ketika meriwayatkan hadis-hadis *mu'allah*.

---

<sup>21</sup> Mashudi. (2014). *Metode Istiqra' Dalam Penetapan Hukum Islam*. Jurnal Studi Hukum Islam, 1(1), hal. 13.



3- Metode Deduktif. Metode ini digunakan ketika melakukan penelitian terhadap status *hadis mu'allah*. Kaedah umum dalam 'Ulūm Hadis akan diaplikasikan pada setiap hadis *mu'allah* dalam *bab mu'āmalāt māliyah*. Termasuk dalam metode ini adalah kaedah *Takhrīj* hadis. Menurut Sayyid 'Abd Al-Mājid<sup>22</sup> *Takhrīj* hadis bermaksud menjelaskan sumber-sumber yang meriwayatkan *hadis* tersebut beserta dengan *sanadnya*. Metod *takhrīj* hadis dilakukan bertujuan untuk menemui *sanad* lain bagi *hadis* yang dikaji bagi membolehkan pengkaji menemui *shawāhid* atau *mutāba'āt* bagi *hadis* yang dikaji. Melalui *shawāhid* dan *mutāba'āt* ini, membolehkan pengkaji membuat kesimpulan hukum terhadap *hadis* sama ada *hadis* tersebut masih boleh dikuatkan disebabkan oleh *shawāhid* atau *mutāba'āt* yang membantu atau *hadis* tersebut dikesan adanya 'illah berdasarkan *shawāhid* atau *mutāba'āt* tersebut.

tersebut *tafarrud* atau tidak. Berikut diterangkan secara ringkas berkenaan beberapa kaedah yang akan digunakan ketika melakukan *takhrīj* terhadap sesuatu hadis berdasarkan kaedah-kaedah yang disusun oleh Maḥmūd Al- Ṭaḥḥān dalam *Uṣūl Al-Takhrīj Wa Dirāsah Al-Asānīd* dan 'Amr 'Abd Al-Mun'im dalam *Taysīr Takhrīj Al-Aḥādīth Li Al-Mubtadi'īn Ma'a Tadrībāt 'Ilmiyyah Tu'īn Al-Ṭālib 'Alā Mumārasah Hāzā Al-'Ilm*:

- i. *Takhrīj* berpandukan kepada perawi dalam kalangan *sahabat* yang meriwayatkan hadis. *Takhrīj* melalui cara ini hanya boleh dilakukan sekiranya

---

<sup>22</sup> 'Abd Al-Mājid Al-Ghawrī. (2007). *Mu'jam Al-Muṣṭalahāt Al-Ḥadīthiyyah*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, hal. 220.



hadis tersebut disebutkan *perawi* dalam kalangan sahabat yang telah meriwayatkannya. Antara jenis kitab hadis yang menyusun hadis-hadis berdasarkan susunan perawi dalam kalangan sahabat dapat dibahagikan kepada beberapa kategori:

- a) Kitab-kitab *Musnad* seperti *Musnad Aḥmad*, *Musnad Al-Ḥumaydī*, *Musnad Ishāq bin Rahāwayh*, *Musnad Al-Bazzār* atau dikenali sebagai *Al-Baḥr Al-Zakḥkhār*, *Musnad Al-Ruwaynī*, *Al-Musnad Al-Jāmi'* oleh Bashshār 'Awwād Ma'ruf dan rakan-rakan dan lain-lain.
- b) Kitab-kitab *Aṭrāf* seperti *Tuḥfah Al-Ashrāf Bi Ma'rifah Al-Aṭrāf* oleh Al-Mizzī, *Zakhā'ir Al-Mawārith Fī Al-Dilālah 'Alā Mawāq' Al-Ḥadīth* oleh 'Abd Al-Ghanī Al-Nablīsī dan lain-lain.



- c) Kitab-kitab *Mu'jam* seperti *Al-Mu'jam Al-Kabīr* oleh Al-Ṭabarānī.



- ii. *Takhrīj* berpandukan pada lafaz permulaan hadis. Cara ini hanya boleh dilakukan sekiranya hadis tersebut berbentuk *qawliyyah*. Dalam menggunakan cara ini, terdapat beberapa utama yang digunakan, iaitu:

- a) *Jam'u Al-Jawāmi' dan Al-Jāmi' Al-Ṣaghīr* tulisan Al-Suyūṭī.
- b) *Mawsū'ah Aṭrāf Al-Ḥadīth Al-Nabawī Al-Sharīf* oleh Muḥammad Al-Sa'īd Zaghlūl.
- c) *Al-Maqāṣid Al-Ḥasanah Fī Bayān Kathīr Min Al-Aḥādīth Al-Mushtaharah 'Alā Al-Aṣīnāh* oleh Al-Sakhāwī.



iii. *Takhrīj* berdasarkan perkataan yang jarang digunakan yang terdapat dalam teks hadis. Cara ini memerlukan pengkaji melihat perkataan yang *gharib* digunakan sebagai katakunci untuk menemukan hadis. Antara kitab yang menggunakan cara ini adalah:

a) *Al-Mu'jam Al-Mufahras Li Alfādh Al-Ḥadīth Al-Nabawī* yang telah dihasilkan melalui gabungan beberapa orientalis barat dan diedarkan oleh Arnold Jan Wensink dan diubah ke dalam bahasa Arab oleh Muḥammad Fu'ād 'Abd Al-Bāqī.

b) *Miftāḥ Kunūz Al-Sunnah* juga oleh Arnold Jan Wensink dan dialih kepada bahasa Arab oleh Muḥammad Fu'ād 'Abd Al-Bāqī.

c) *Takhrīj* hadis berdasarkan topik hadis. Cara ini dianggap sebagai cara yang paling terperinci dalam *mentakhrīj* hadis kerana tidak semua pengkaji mempunyai kemahiran dalam menentukan topik yang terkandung dalam hadis. Oleh kerana pengkaji lebih memfokuskan kepada hadis-hadis *mu'āmalāt* yang merupakan hadis-hadis *fiqh*, maka antara kitab yang digunakan adalah:

d) *Talkhīṣ Al-Ḥabīr Fī Takhrīj Aḥādīth Al-Rāfi'ī Al-Kabīr* oleh Ibn Ḥajar Al-'Asqalānī.

e) *Naṣb Al-Rāyah Li Aḥādīth Al-Hidāyah* oleh 'Abdullāh Al-Zayla'ī.

f) *Al-Maṭālib Al-'Āliyah Bi Zawā'id Al-Masānid Al-Thamāniyah* oleh Ibn Ḥajar Al-'Asqalānī.

iv. *Takhrīj* hadis berdasarkan keadaan atau status hadis. Disebabkan kajian ini berhubung *'ilal* hadis, maka pengkaji turut merujuk kitab-kitab *'ilal* hadis,

antaranya *al-Musnad al-Muṣannaḥ Al-Mu'allal* yang tulis oleh Bashshār 'Awwād Ma'rūf, Al- Sayyid Abū Al-Ma'āṭī, Muḥammad Mahdī Al-Musallamī dan rakan-rakan.

4- Metode Komparatif. Metode komperatif adalah metode perbandingan antara maklumat-maklumat atau sumber data yang diperolehi bertujuan mengetahui ketepatan dan kebenaran. Berpandukan kajian ini, pendapat-pendapat para tokoh hadis dikumpulkan dan dibuat perbandingan untuk mengetahui pendapat yang paling kuat dan paling tepat.

### 1.9 Definisi Tajuk

Berdasarkan tajuk 'Hadis-Hadis *Marfū'* Yang *Mu'allah* Berkaitan *Mu'āmalāt Māliyah* Dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*' terdapat beberapa istilah penting yang perlu diberikan perhatian, iaitu: Hadis-hadis *Marfū'*, *Mu'allah*, *Mu'āmalāt Māliyah*, *Al-Sunan Al-Arba'ah*. Keempat-empat konsep ini adalah tunjang kepada kajian ini. Bagi memahaminya secara jelas, akan dihuraikan tentang keempat konsep utama tersebut.

Hadis-hadis *Marfū'*

Hadis-hadis *marfū'* mengikut pengertian dalam ilmu hadis adalah merujuk apa jua perkara yang disandarkan dan dinisbahkan kepada *Rasūlullāh* SAW sama ada berbentuk kata-kata mahupun perbuatan, sama ada *sanadnya* bersambung atau tidak



bersambung sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ibn Kathīr<sup>23</sup>. Perkataan *marfū'* asalnya bermaksud sesuatu yang diangkat, namun setelah dijadikan sebagai istilah dalam ilmu hadis, maka *marfū'* menjadi sinonim dengan sesuatu yang diangkat atau disandarkan kepada Nabi SAW.

### Mu'allah

*Mu'allah* bermaksud sesuatu hadis yang terdapat kecacatan pada sesuatu hadis yang dapat memberikan kesan terhadap penilaian *ṣaḥīḥ* pada sesuatu hadis. Kecacatan atau disebut sebagai *'illah* boleh berlaku sama ada secara jelas atau secara tersembunyi.

Bagi *'illah* yang jelas iaitu kecacatan yang terdapat pada hadis tersebut adalah jelas seperti wujudnya perawi yang *dā'if* dalam *sanad* hadis atau berlaku terputus *sanad* antara perawi (disebut *Al-Inqīṭā'*) dan seumpamanya. Manakala, *'illah* tersembunyi pula adalah kecacatan yang agak sukar untuk dikesan kewujudannya melainkan apabila dilakukan kajian mendalam kerana jika melihat pada luaran *sanad*nya ia kelihatan seperti *ṣaḥīḥ*.

### Mu'āmalāt Māliyah

Sa'd Al-Dīn Muḥammad Al-Kibbī<sup>24</sup> mendefinisikan *Mu'āmalāt māliyah* sebagai himpunan transaksi pertukaran dan pergantian harta benda yang melibatkan dua pihak.

<sup>23</sup> Ibn Kathīr. (2013). *Iktisār 'Ulūm Al-Ḥadīth*. (Māhir Yāsīn Al-Faḥl, Ed.) Riyāḍ: Dār Al-Maymān, hal. 27.

<sup>24</sup> Sa'd Al-Dīn Muḥammad Al-Kibbī. (2002). *Al-Mu'āmalāt Al-Māliyah Al-Mu'āṣirah Fī Al-Islām*. Bayrūt: Al-Maktab Al-Islāmī, hal. 16.





Maka, *mu'āmalāt māliyah* merangkumi apa sahaja transaksi yang melibatkan pertukaran sesuatu yang ada nilainya termasuklah jual beli, hutang piutang, sewa menyewa, perkongsian dan seumpamanya.

### *Al-Sunan Al-Arba'ah*

*Al-Sunan Al-Arba'ah* atau disebut sebagai *al-Sunan al-Arba'ah* merupakan kitab hadis yang masyhur dan menjadi rujukan utama dalam bidang hadis setelah *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. *Al-Sunan Al-Arba'ah* ini menghimpunkan kebanyakan hadis-hadis yang menjadi sumber kepada permasalahan *fiqh*. Dimaksudkan dengan *Al-Sunan Al-Arba'ah* tersebut adalah:



Pertama: *Al-Sunan* atau lebih masyhur disebutkan sebagai *Sunan Abī Dāwūd*.

Ia telah dikarang oleh seorang tokoh hadis terkemuka iaitu Abū Dāwūd Sulaymān Al-Ash'ath Al-Azdī Al-Sijistānī (m. 275 H).

Kedua; *Al-Jāmi' Al-Mukhtaṣar Min Al-Sunan 'An Rasūlillāh Wa Ma'rifah Al-Ṣaḥīḥ Wa Al-Ma'lūlah Wamā 'Alayh Al-'Amal* atau lebih terkenal disebut *Jāmi' Al-Tirmizī* atau *Sunan Al-Tirmizī*. Kitab tersebut telah dikarang oleh Muḥammad 'Īsā Al-Tirmizī (m. 279 H).

Ketiga: *Al-Mujtabā Min Al-Sunan Al-Musnadah* atau lebih terkenal dengan nama *Sunan Al-Nasā'ī*. Ia telah dikarang oleh Al-Nasā'ī (m. 303 H).





Keempat: *Al-Sunan* atau terkenal dengan *Sunan Ibn Mājah* atau *Sunan al-Muṣṭafā* SAW. Kitab ini telah dikarang oleh Muḥammad Yazīd Mājah Al-Qazwīnī (m. 273 H).

### 1.10 *Kajian-Kajian Lepas*

Secara umumnya, terdapat banyak kajian yang telah dihasilkan oleh ahli-ahli akademik dan sarjana mengenai hadis-hadis *mu'allah* dalam pelbagai aspek. Namun, bagi tajuk kajian ini, pengkaji belum menemui mana-mana ahli-ahli akademik yang menulis secara khusus tajuk yang pengkaji pilih. Terdapat beberapa kajian lepas yang ada sedikit persamaan dengan tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji. Di antara kajian tersebut adalah:



- i. Sa'īd bin Ṣalīḥ Al-Raqīb Al-Ghāmīdī, *Al-Aḥādīth Al-Marfū'ah Al-Mu'allah Fī Kitāb Ḥilyah Al- Awliyā' Min Tarjamah Tāwūs bin Kaysān Ilā Nihāyah Tarjamah Mis'ar bin Kidām*<sup>25</sup>.

Kajian ini merupakan tesis peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) di Universiti Islam Imam Muhammad bin Sa'ud, Riyadh. Buku ini memfokuskan kepada kajian terhadap hadis-hadis *marfū'* yang bermasalah menerusi kitab *Ḥilyah Al-Awliyā'*. Terdapat 143 hadis yang dinilai sebagai *ma'lūl* oleh Abū Nu'aym Al-Aṣbahānī yang dijadikan fokus kajian oleh pengkaji tersebut.

---

<sup>25</sup> Kajian tersebut telah dibentangkan sebagai kajian ijazah doktor falsafah (PhD) pada tahun 1425 Hijriyyah di Universiti Islam Imām Muḥammad bin Sa'ūd, Riyāḍ. Sejauh pengetahuan pengkaji, kajian tersebut masih belum dikeluarkan secara bercetak.





- ii. Ḥāfidh Zubīr ‘Alī, *Anwār Al-Ṣaḥīfah Fī Al-Aḥādīth Al-Ḍā‘īfah Min Al-Sunan al-Arba‘ah*<sup>26</sup>.

Buku tersebut mengumpulkan hadis-hadis *ḍā‘īf* yang terdapat dalam *Al-Sunan Al-Arba‘ah*. Di samping mengumpulkan hadis-hadis *ḍā‘īf* dalam tulisan ini, penulis juga berusaha membawakan bukti-bukti *ḍā‘īf*nya hadis-hadis tersebut. Namun, hadis-hadis *ḍā‘īf* yang dibawakan oleh penulis secara umumnya berkisar kepada hadis yang mempunyai ‘illah yang jelas. Hadis-hadis yang mempunyai ‘illah yang tersembunyi tidak dibawakan oleh penulis di dalam buku tersebut. Jumlah hadis yang dibawakan adalah 3500 hadis.

- iii. ‘Abd Al-‘Azīz ‘Abdullāh Al-Halīl, *Al-Aḥādīth Allatī A‘allahā Al-Imām Ibn Mājah Fī Sunanihi; Takhrīj Wa Dirāsah*<sup>27</sup>.

Tulisan tersebut merupakan salah satu artikel dalam *Majallah Al-‘Ulūm Al-Shar‘iyyah* menumpukan kepada hadis-hadis yang dinilai sebagai *ma‘lūl* oleh Ibn Mājah. Sebanyak 22 hadis telah dimasukkan dan dilakukan kajian dalam artikel tersebut. Namun, kesemua hadis-hadis tersebut tidak berkaitan dengan *mu‘āmalāt māliyah*.

<sup>26</sup> Buku tersebut telah diulang cetak sebanyak dua kali. Cetakan kali kedua adalah pada tahun 1432 Hijriyyah oleh Maktabah Al-Ḥadīth Ḥadhru, Pakistan dengan kerjasama Al-Maktabah Al-Islamiyyah, Lāhūr.

<sup>27</sup> Kajian tersebut yang merupakan sebuah artikel berukuran 85 muka surat oleh ‘Abd Al-‘Azīz Al-Halīl dalam *Majallah Al-‘Ulūm Al-Shar‘iyyah* bil. 21 bulan Syawal tahun 1432 Hijrah yang diterbitkan oleh Universiti Islam Al-Imām Muhammad bin Su‘ūd, Riyāḍ.





iv. Mahā Sa'dūn Al-'Uṭaybī, *Al-Aḥādīth Al-Mu'allah Bi Al-Ikhtilāf Fī Kitāb Al-Irshād*<sup>28</sup>.

Kajian tersebut merupakan tesis yang dikemukakan untuk memperolehi ijazah doktor falsafah (PhD) di Universiti Al-Malik Sa'ūd, Riyāḍ. Kajian ini memfokuskan hadis-hadis *mu'allah* yang disebabkan oleh berlakunya *ikhtilāf* (perbezaan riwayat) yang merangkumi empat fasal, iaitu: perbezaan pada riwayat yang *mawṣūl* dan *mursal*, perbezaan pada riwayat *mawqūf* dan *marfū'*, perbezaan kerana berlaku *ziyādah* (penambahan) atau *suqūṭ* (keguguran) pada *sanad*, dan perbezaan kerana *ibdāl*. Terdapat 71 hadis keseluruhan yang dimasukkan dalam kajian tersebut. Kajian tersebut berbeza dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji melalui dua sudut, iaitu: perbezaan kitab yang difokuskan dan kajian tersebut tidak mengkhususkan bab



v. Muhsin Masrukhin *Al-'Ilal Fī Al-Ḥadīths: Kajian Atas Hadits-Hadits Dalam Sunan Al-Tirmidzi Bab Al-Thaharah*.

Ia merupakan tesis peringkat Ijazah Sarjana yang dihasilkan oleh Muhsin Masrukhin di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta pada tahun 2007. Kajian tersebut menfokuskan kepada *'ilal* hadis dan berpandukan kepada hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Al-Tirmizī di dalam *Sunan* beliau pada bab *Al-Ṭahārah*.

---

<sup>28</sup> Kajian tersebut yang memfokuskan kepada kitab *Al-Irshād* karya Abū Ya'la Al-Khalīlī adalah kajian yang dilakukan pada tahun 1433 Hijriyyah pada Qism Al-Thaqāfah Al-Islamiyyah di kuliyyah Al-Tarbiyyah, Universiti Al-Malik Sa'ūd. Sejauh pengetahuan penulis, kajian tersebut masih belum dikeluarkan secara bercetak.





Tesis tersebut tidak dapat ditemui secara digital dalam mana-mana laman sesawang untuk diteliti. Berdasarkan tajuk tersebut, terdapat perbezaan dengan kajian yang sedang dijalankan ini kerana kajian oleh Muhsin Masrukhin hanya mengkhususkan bab *Al-Tahārah* dalam *Sunan Al-Tirmizī*, manakala kajian yang sedang dijalankan ini pula meliputi hadis-hadis *mu'allah* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah* dan juga hadis-hadis *mu'āmalāt māliyah* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah*.

vi. Fatimah Muhammad, ***'Abdullāh bin Lahī'ah Wa Marwiyyāt Ghayr Al-'Abādilah Al-Arba'ah Fī Sunan Al-Tirmizī; Dirāsah Naqdiyyah Taṭbīqiyah.***

Tesis tersebut adalah hasil kajian Fatimah Muhammad di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia pada tahun 2017. Tesis tersebut menfokuskan kepada hadis-hadis yang diriwayatkan oleh 'Abdullāh bin Lahī'ah melalui murid-murid beliau yang tidak termasuk dalam kalangan *Al-'Abādilah Al-Arba'ah*. Skop kajian ini mempunyai kaitan dengan 'ilal hadis dari sudut kedudukan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh murid-murid 'Abdullāh bin Lahī'ah adalah termasuk hadis-hadis yang *ma'lūl*, kecuali empat orang murid beliau yang bernama 'Abdullāh diperselisihkan kedudukan hadis-hadis mereka daripada 'Abdullāh bin Lahī'ah.

vii. Mohd Saa'ufi bin Ibrahim, ***Analisis Pendirian Al-Bukhari Dalam Kitab Sunan Al-Tirmidhiy.***

Ia merupakan tesis hasil kajian Mohd Saa'ufi bin Ibrahim bagi peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia tahun 2016. Tesis tersebut menganalisis pandangan Al-Bukhārī yang diriwayatkan oleh Al-Tirmizī di dalam *Sunan* beliau.





Pandangan-pandangan Al-Bukhārī ini berkait rapat dengan *'ilal* hadis, kerana pendirian Al-Bukhārī yang dibawa oleh Al-Tirmizī kebiasaannya berhubung status hadis ataupun tentang status seseorang perawi hadis. Pun begitu, tidak semua pendapat Al-Bukhārī dipersetujui oleh Al-Tirmizī.

### 1.11 *Penutup*

Metodologi yang diletakkan oleh pengkaji untuk menganalisis hadis-hadis *mu'allah* dalam *Al-Sunan Al-Arba'ah* adalah sesuai dan jelas untuk mendapatkan natijah bagi objektif kajian ini. Pendekatan kualitatif yang digunakan mampu mengarahkan kajian kepada keputusan yang autentik agar kajian ini bermanfaat untuk semua.

